

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YBM. ENSKU NAIMAH BINTI ENSKU  
TAIB**

**SOALAN : 66**

**YBM. Engku Naimah Binti Engku Taib** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pemandu Grab dan Uber yang terdapat di negara ini serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan pemandu teksi tidak kerugian dengan wujudnya perkhidmatan Grab dan Uber ini.

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan anggaran terkini, terdapat lebih kurang 300 ribu pemandu *e-hailing* yang berdaftar dengan syarikat penyedia perkhidmatan Grab, manakala Uber pula sudah tidak beroperasi lagi kerana syarikat tersebut telah menjual perniagaannya di rantau Asia Tenggara kepada Grab.

Walaupun Kerajaan telah mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* melalui Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan 2017) dan undang-undang yang berkaitan yang telah dikuatkuasakan bermula pada 12 Julai 2018, Kerajaan masih komited dalam memastikan kebajikan pemandu teksi terbela dan mereka tidak rugi dengan wujudnya perkhidmatan Grab.

Bagi menjayakan tanggungjawab ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menetapkan syarat-syarat kepada penyedia Perkhidmatan Pengantaraan bagi memastikan "*level playing field*" yang akan memberi kesaksamaan kepada pemandu teksi dan pemandu *e-hailing* untuk bersaing secara sihat dalam memberi perkhidmatan kepada penumpang. Antara syarat-syarat yang telah dikenakan kepada perkhidmatan *e-hailing* supaya selari dengan perkhidmatan teksi adalah seperti berikut:

- (i) **syarat-syarat kelayakan permohonan lesen**  
dikehendaki untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
  
- (ii) **syarat-syarat kelayakan pemandu**

warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 21 tahun; tiada sabitan kesalahan jenayah berdaftar; lulus pemeriksaan kesihatan di klinik atau hospital yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan; dan hadir dan lulus program latihan pemandu modul baharu selama enam (6) jam.

**(iii) syarat-syarat kenderaan**

terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang mempunyai taraf tiga (3) bintang tahap piawaian ASEAN NCAP atau setara dengannya; menjalani pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

**(iv) syarat-syarat operasi**

mempunyai perlindungan insurans bagi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga sebelum mana-mana pemandu *e-hailing* dibenarkan untuk beroperasi.

Dalam masa yang sama, SPAD juga sedang melaksanakan langkah-langkah penting menerusi Program Transformasi Industri Teksi (TITP) termasuk:

- i. Pemberian Lesen Individu dan Geran Tunai Kerajaan berjumlah RM5,000 bagi pemandu yang telah tamat kontrak dalam Sistem Pajak sebagai rebat untuk membeli kenderaan baharu. Kini, SPAD telah meluluskan sebanyak 2,493 lesen individu dan 582 Geran Tunai Kerajaan;

- ii. Membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan taksi yang mencapai penarafan keselamatan tiga (3) bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf dengannya;
- iii. Pengurangan kos kepada pemandu kerana tempoh untuk pemeriksaan berkala Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dilanjutkan:
  - a. Pemeriksaan berkala kenderaan hanya bagi kenderaan yang melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ;
  - b. Pemeriksaan berkala meter bagi kelas lesen taksi hanya perlu dilakukan satu (1) kali setahun berbanding dua (2) kali setahun sebelumnya.
- iv. Pemandu taksi bermeter turut diberi kesempatan untuk mengenakan tambang dinamik (tambang *e-hailing*) apabila membawa penumpang melalui tempahan *e-hailing* selain dari mengenakan tambang meter apabila membawa penumpang secara "*street hail*";
- v. Menetapkan kadar komisen maksima yang boleh dikenakan oleh syarikat *e-hailing* ke atas pemandu taksi sebanyak 10% sahaja bagi setiap perjalanan;
- vi. Memperkenalkan modul latihan yang baharu kepada pemandu taksi yang ingin memohon lesen vokasional. Modul baharu ini menitikberatkan keusahawanan dan teknologi, khidmat pelanggan cemerlang dan undang-undang yang

berkaitan. Ia dijangka akan membantu pemandu teksi meningkat keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang selain turut menggalakkan mereka meningkatkan pendapatan apabila membawa penumpang melalui tempahan *e-hailing*; dan

- vii. Menggalakkan pemandu teksi untuk mencarum di dalam Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan kebajikan mereka terbela jika berlaku sesuatu kemalangan yang menjejaskan pekerjaan mereka.

Kerajaan percaya langkah-langkah ini dapat menaik taraf perkhidmatan teksi untuk terus berkembang maju seiring dengan perkembangan teknologi dan memastikan mereka tidak rugi dengan wujudnya perkhidmatan e-hailing. Pengusaha dan pemandu teksi persendirian juga amat digalakkan untuk menyertai perkhidmatan e-hailing agar dapat bersaing dan menjadi lebih kompetitif dengan pemandu-pemandu perkhidmatan e-hailing sedia ada.